

## KUBUR KEPINGAN BATU DI LEMBAH BERNAM

### (*SLAB GRAVE IN BERNAM VALLEY*)

Muhamad Shafiq Mohd Ali & Yunus Sauman

#### Abstrak

---

Kubur kepingan batu merupakan antara tinggalan masyarakat prasejarah Zaman Logam yang agak unik di Malaysia kerana taburan penemuannya hanya boleh dilihat di utara Selangor dan selatan Perak sahaja. Antara pengkaji yang meneliti kebudayaan ini adalah seperti I.H.N Evans, H.D. Collings, P.V.S. Callenfels, Leong Sau Heng dan Yunus Sauman. Berdasarkan pentarikhan mutlak yang telah dilakukan terhadap tapak kubur kepingan batu ini mendapati bahawa tapak-tapak ini telah dihuni sejak seawal 300 SM sehinggalah 700 M. Antara artifak yang ditemui sewaktu kajian arkeologi dilakukan adalah seperti kepingan batuan granit yang dijadikan seperti keranda, serpihan tembikar tanah, manik karnelian berbentuk spherical, batu pemukul kulit kayu, serpihan gangsa yang mempunyai pola hias, alat batu, bilah mata pisau, mata lembing, kapak bersoket, mata tombak bersoket, damar terbakar yang menjadi kemenyan dan juga seramik zaman Tang. Makalah ini melihat semula kajian-kajian lampau yang telah dilakukan oleh pengkaji awal bagi melihat peranan masyarakat yang mengamalkan kebudayaan kubur kepingan batu yang telah mengisi data dan maklumat sejarah dalam Semenanjung Malaysia. Masih banyak kajian terhadap kubur kepingan batu yang boleh dilakukan oleh pengkaji-pengkaji kini atau akan datang supaya dapat memberi kepastian terhadap beberapa maklumat yang masih kabur dan perlu didapatkan kepastian.

---

**Kata Kunci:** Kubur kepingan batu; Lembah Bernam; prasejarah; artifak

#### Abstract

---

*The stone slab graves are among the unique remnants of the prehistoric Metal Age society in Malaysia, as their distribution can only be found in northern Selangor and southern Perak. Notable researchers who have studied this culture include I.H.N Evans, H.D. Collings, P.V.S. Callenfels, Leong Sau Heng, and Yunus Sauman. Based on absolute dating conducted on these stone slab burial sites, it has been found that these sites were inhabited as early as 300 BCE and continued until 700 CE. Artifacts discovered during archaeological studies include granite slabs used as coffins, fragments of earthenware pottery, spherical carnelian beads, wooden pestles, fragments of bronze with decorative patterns, stone tools, blades, spearheads, socketed axes, socketed spear points, burnt resin used as incense, and Tang dynasty ceramics. This paper revisits previous studies conducted by early researchers to examine the role of the society practicing the stone slab burial culture, which has contributed historical data and information about Peninsular Malaysia. There is still much research on stone slab graves that can be undertaken by current and future researchers to clarify several pieces of information that remain ambiguous and require confirmation.*

---

**Keywords:** Slab grave, Bernam Valley, prehistoric, artifacts

## PENGENALAN

Kubur kepingan batu merupakan antara tinggalan masyarakat prasejarah yang agak unik di Malaysia. Ini kerana taburan penemuannya hanya boleh dilihat di utara Selangor dan selatan Perak sahaja. Pengelompokan ini menunjukkan wujudnya sekumpulan masyarakat yang berkongsi kebudayaan dan hanya menetap di sekitar kawasan kiri dan kanan Sungai Bernam. Diyakini berdasarkan jumpaan-jumpaan arkeologi di sekitar dan dalam kubur kepingan batu tersebut bahawa kubur-kubur ini mewakili kebudayaan pada Zaman Logam (Yunus et al. 2011; Zuliskandar & Yunus 2018; Leong 1993). Bukan sahaja di Malaysia, di Asia Tenggara juga kubur kepingan batu ini jumpaannya sangat terhad seperti Tanah Tinggi Pasemah, Selatan Sumatera dan juga beberapa jumpaan di Jawa Timur, Jawa Barat dan Jawa Tengah. Di selatan Vietnam boleh ditemui di Sa Huynh dan Xuan Loc serta di Filipina (Leong 1993).

Kubur kepingan batu ini telah mula dijumpai pada 1895. Jumpaan kubur jenis ini telah menimbulkan banyak tanda tanya berkenaan siapakah masyarakat yang mengamalkannya, bilakah tradisi ini bermula dan berakhir, apakah keadaan tradisi masyarakat yang mengamalkannya dan banyak lagi persoalan yang masih belum terjawab dengan jumpaan kubur kepingan batu ini. Antara sarjana dan pengkaji yang cuba meneliti berkenaan kubur ini dan cuba menjawab persoalan-persoalan yang timbul ini adalah seperti I.H.N Evans, H.D. Collings, P.V.S. Callenfels dan turut dikaji oleh sarjana tempatan seperti Leong Sau Heng bersama Yunus Sauman. Namun, hasil kajian dan penelitian daripada para sarjana ini masih dalam peringkat hipotesis sahaja kerana penemuan kubur ini kebanyakannya dan juga artifak yang dijumpai bersamanya adalah jumpaan secara tidak sengaja apabila kawasan tanah tersebut disodok atau ditolak untuk membuat kawasan pertanian atau untuk dibuat jalan raya. Hasil jumpaan yang tidak sengaja ini menyebabkan data arkeologinya tidak mengikut konteks yang diperlukan untuk membuat kesimpulan daripada hipotesis yang dinyatakan.

## SEJARAH JUMPAAN KUBUR KEPINGAN BATU

Jika ditelusuri sejarah penemuan kubur kepingan batu, dapat dilihat data-data arkeologi yang musnah akibat daripada kerja-kerja pembinaan dan pelebaran jalan raya seperti yang dilaporkan oleh Collings (1937). Menurut Collings lagi, beliau mendapati 3 buah kubur telah ditemui dengan tidak sengaja sewaktu kerja-kerja pelebaran jalan yang dilakukan. Di samping itu, terdapat 7 buah kubur kepingan batu yang telah musnah akibat daripada kerja-kerja pelebaran dan pembinaan jalan raya.

Sejarah penemuan kubur kepingan batu ini bermula pada 1895, apabila J.A Legge menemui sebuah kubur sewaktu beliau memantau kerja-kerja memasang *beacon* di Bukit Changkat Menteri yang berhampiran dengan Sungai Bernam (Evans 1928). Tapak jumpaan Legge ini telah dilakukan penggalian gali cari oleh H.C. Robinson dan R.O. Winstedt pada 1919 (Zuliskandar & Yunus 2018; Yunus et al. 2011; Noone 1928). Setelah itu, penerokaan lanjut telah menemui beberapa lagi kubur kepingan batu secara tidak sengaja pada tahun 1927 di Sungkai dan Slim River. Pada tahun 1930 pula, telah dijumpai kubur kepingan batu di Ladang Sungai Klah, seterusnya di Slim River sewaktu kerja-kerja pelebaran jalan dilaksanakan. Di samping itu dijumpai juga kubur yang sama di Ladang Sungai Kruit (Collings 1937).

Sehingga tahun 1992, tiada jumpaan terbaharu dilaporkan dan siri penyelidikan daripada pasukan tempatan bermula apabila pasukan penyelidik daripada Universiti Malaya (UM), Muzium Selangor dan Jabatan Muzium & Antikuiti (JMA) telah melakukan siri penyelidikan sehingga tahun 1997 yang tertumpu di kawasan Ladang Changkat Menteri, Selatan Perak (Zuliskandar & Yunus 2018). Siri penyelidikan bersama ini telah menemui lapan (8) tapak kubur yang baharu namun semuanya telah terganggu kecuali sebuah kubur sahaja yang telah ditandakan dengan K7. Dari tahun 2001 sehinggalah 2007, kerjasama penyelidikan ini diteruskan oleh Jabatan Muzium & Antikuiti (JMA) dengan kali ini penglibatan daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang melakukan beberapa siri penjelajahan dan hasilnya beberapa jumpaan kubur kepingan batu telah ditemui namun sayangnya laporan hasil penyelidikan tidak diterbitkan (Zuliskandar & Yunus 2018). Secara umumnya, telah dijumpai hampir 20 buah tapak yang ditemui dan ada antaranya telah dilakukan gali cari, namun tidak mengambil kira penemuan *loose slab* yang tidak digali. Selain itu, jumpaan kubur kepingan batu

ini sepatutnya lebih daripada 20 lagi jika kubur kepingan batu yang ditemui oleh pekerja ladang tidak dirosakkan akibat kerja-kerja meratakan tanah ladang (Leong 2000). Selepas gali cari arkeologi oleh Leong Sau Heng pada 1997, tiada lagi kajian secara gali cari dilakukan. Hanya survei arkeologi sahaja yang dilakukan kerana kesukaran untuk menentukan lokasi kubur kepingan batu yang tepat dan ada tapak yang telah musnah akibat daripada kerja pertanian dan pelebaran jalan raya. Kronologi penyelidikan arkeologi terhadap kubur kepingan batu ini dapat dilihat melalui Jadual 1 di bawah.

Jadual 1. Sejarah penyelidikan kubur kepingan batu di Malaysia

Bil	Tahun	Catatan
1	1895	Penemuan secara tidak sengaja sebuah tapak kubur kepingan batu di Changkat Menteri oleh J.A Legge.
2	1919	Ekskavasi oleh H.C. Robinson dan R.O. Winstedt terhadap tapak yang ditemui Legge.
3	1927-1930	Ekskavasi terhadap tapak-tapak penemuan tidak sengaja di Sungkai dan Slim River oleh I.H.N. Evans.
4	1936	Ekskavasi oleh H.D. Collings terhadap tapak-tapak di Slim River.
5	1992-1997	Survei dan ekskavasi arkeologi oleh Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Jabatan Muzium Selangor dan Bahagian Arkeologi, Jabatan Muzium & Antikuiti.
6	2000-2001	Survei arkeologi oleh Jabatan Muzium Selangor, Jabatan Muzium dan Antikuiti dan Jabatan Sejarah, UM
7	2001-2003	Survei arkeologi oleh Bahagian Arkeologi, Jabatan Muzium dan Antikuiti
8	2004-2006	Survei arkeologi oleh Jabatan Sejarah UPSI dan Jabatan Muzium Malaysia

(Sumber: Yunus et al. 2011)

Berdasarkan hasil kajian dan laporan penelitian yang telah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini, dapat diperhatikan taburan kubur jenis ini hanya berada di sekitar selatan Perak dan utara Selangor (Zuliskandar & Yunus 2018). Secara yang lebih khusus, kawasan jumpaan kubur ini berada dalam lembah sungai yang sama iaitu Sungai Bernam. Pada masa dahulu, kemungkinan di Sungai Bernam ini terdapat sebuah kehidupan masyarakat yang agak besar dan mempunyai tradisi yang sama bermula dari Sungai Belata di selatan sehingga Sungkai di utara. Sungai Bernam kini telah menjadi sempadan antara Selangor dan Perak yang dahulunya tidak wujud sempadan budayanya (Zuliskandar & Yunus 2018). Secara umumnya, antara tahun 1919 sehingga 1936, sebanyak 9 buah kubur kepingan batu telah pun dilaporkan dan pengkaji yang telah menulis tentang tapak perkuburan ini termasuklah Leong Sau Heng (2000, 1993), I.H.N. Evans (1928), R.J. Wilkinson (1939), Roland Bradell (1939), H.D. Collings bersama H.D. Noone (1939), R.O. Winstedt (1941), W. Linehan (1930), J. Loewenstein (1956) dan Sieveking (1956).

## JUMPAAN

Secara fizikalnya, kubur batu kepingan ini diperbuat daripada kepingan batu granit yang boleh didapati dengan banyaknya dan mudah di kaki banjaran Titiwangsa. Secara khususnya, batuan granit ini boleh diperoleh dengan mudah di hulu-hulu sungai seperti hulu Sungai Bernam, hulu Sungai Slim, hulu Sungai Sungkai dan cabang-cabang sungai yang lain seperti Sungai Bil dan juga Sungai Inki (Zuliskandar & Yunus 2018). Batuan granit dalam bentuk bongkahan besar masih boleh diperhatikan dengan jelas dari pekan Tanjung Malim sehinggalah ke hulu Sungai Bernam, dari Kampung Ulu Slim hingga ke hulunya dan Kampung Sungai Bil sehinggalah ke hulunya. Bongkahan batuan granit ini juga dapat dilihat di tebing jalan raya yang terkeluar akibat kerja-kerja penyodokan sama ada untuk pembinaan jalan baharu atau projek pelebaran jalan (Yunus et al. 2011).

Kepingan batu yang dijadikan kuburan ini adalah daripada batuan granit yang pecah atau telah merekah hasil daripada proses luluhawa iaitu penyejukan dan pemanasan batuan secara semula jadi (Zuliskandar & Yunus 2018). Pecahan yang berlaku secara semula jadi inilah yang menyebabkan tiadanya ukuran yang sekata terhadap ketebalan dan saiz kepingan batuan tersebut. Kepingan batu ini kemudiannya dibentuk mengikut kesesuaian dan kegunaannya. Terdapat beberapa bentuk yang boleh

dilihat pada kubur kepingan batu ini iaitu seperti memanjang, membulat dan juga petak segi empat (Zuliskandar & Yunus 2018). Bagi batu yang bentuknya memanjang, biasanya digunakan untuk menutup bahagian badan, manakala bentuk bulat atau segi empat biasanya digunakan untuk menutup bahagian kepala. Disebabkan kubur kepingan batu dibina daripada bongkahan batu-batu yang besar, tradisi pengebumian ini juga termasuk dalam sebahagian tradisi kebudayaan megalitik di Malaysia (Zuliskandar & Yunus 2018; Leong Sau Heng 1993). Heine-Geldern (1945) menyatakan bahawa kubur kepingan batu ini merupakan milik kebudayaan megalitik terawal yang berbeza daripada kebudayaan megalitik sebelum zaman Logam.

Leong Sau Heng telah mencadangkan bahawa batuan ini dibawa ke tempat atau tapak pengebumian tersebut melalui jalan sungai dengan menaiki rakit (Nik Hassan Shuhaimi 1999). Gajah dan juga mungkin tenaga manusia digunakan untuk membawa batuan tersebut daripada tebing sungai ke tapak pengebumian. Apabila dilakukan pengukuran jarak secara garis lurus, jarak antara tapak perkuburan ke sungai adalah hampir dua (2) kilometer. Leong juga menambah lagi bahawa mayat yang dikuburkan dengan kaedah kubur kepingan batu ini bukanlah orang yang biasa, tetapi orang yang mempunyai pangkat dan berada dalam kelas atasan cuma belum sampai pada tahap raja (Zuliskandar & Yunus 2018).

Bagi mendapatkan pentarikhan kepada pengamalan tradisi ini, kaedah pentarikhan mutlak dan pentarikhan secara relatif digunakan oleh penyelidik lampau. Hasil penelitian berdasarkan kerja gali cari menunjukkan tradisi kubur kepingan batu ini berada pada Zaman Logam di Malaysia. Hasil gali cari telah menjumpai artifak logam yang diperbuat daripada gangsa dan besi seperti kapak besi dan soket gangsa. Selain itu, apa yang menarik perhatian umum adalah jumpaan peralatan logam yang dinamai “tulang mawas”.

Jika diperhatikan kepada jumpaan-jumpaan sewaktu gali cari dijalankan seperti objek gangsa bersaiz kecil, dapat diandaikan tapak ini bermula lebih awal daripada tapak yang dijumpai gendang gangsa jenis Heger 1 seperti di Kampung Sungai Lang. Ini kerana kebiasaannya objek gangsa yang lebih kecil, lebih awal masa penyebarannya berbanding objek yang lebih besar seperti gendang gangsa. Pentarikhan mutlak terhadap tapak gendang gangsa di Kampung Sungai Lang adalah abad ke-5 SM namun ianya bukanlah sebuah tapak kubur kepingan batu (Peacock 1964). Oleh itu tapak kubur kepingan batu ini berada lebih awal perkembangannya.

Pentarikhan mutlak yang telah dilakukan terhadap tapak kubur kepingan batu ini mendapati bahawa tapak-tapak ini telah dihuni sejak seawal 300 SM sehinggalah 700 M (Leong 1991 & 1993). Berdasarkan pentarikhan ini kita dapat melihat kesinambungan tradisi ini yang berlangsung selama hampir 1,000 tahun. Selain itu juga dapat disimpulkan bahawa Zaman Logam di kebudayaan kubur kepingan batu berterusan sehinggalah abad ke-8 Masihi. Zaman Logam ini tidak terhenti pada awal abad pertama Masihi seperti yang dinyatakan oleh ramai pengkaji sebelum ini (Zuliskandar & Yunus 2018). Pentarikhan yang dilakukan oleh Leong adalah berdasarkan kepada kajian beliau pada kubur yang berbeza. Pentarikhan terawal yang didapati adalah di Changkat Menteri iaitu seawal abad ke-4 SM manakala tapak di Sungkai pula adalah lebih lewat (Leong 1993).

Apabila diteliti laporan daripada penyelidik dan pengkaji lampau, kita akan mendapati terdapatnya kelainan antara kubur kepingan batu yang ditemui di Lembah Bernam seperti di Slim River dan Changkat Menteri dengan yang berada di Sungkai seperti di Ladang Sungai Kruit dan Ladang Sungai Klah. Kelainan yang paling ketara yang dapat dilihat adalah dari sudut saiz ketebalan batuan (Zuliskandar & Yunus 2018; Leong 1993). Kepingan batuan di Sungkai lebih tebal jika dibandingkan dengan Lembah Bernam yang lebih nipis. Berdasarkan pentarikhan pula, di Sungkai lebih lewat jika dibandingkan dengan Lembah Bernam. Ini secara umumnya menunjukkan bahawa tapak yang mempunyai saiz ketebalan batuan yang nipis lebih awal kebudayaannya berbanding tapak yang mempunyai saiz batuan yang lebih tebal. Ini adalah berkemungkinan disebabkan pada awalan pengamalan kebudayaan ini, masyarakat sewaktu itu menggunakan bahan yang lebih mudah didapati dan lebih mudah untuk mengangkut batuan tersebut daripada sumber batuan. Jika difikirkan secara mudah, pastilah masyarakat ketika itu mengangkat batuan yang nipis kerana lebih ringan dan memudahkan pekerjaan mereka. Batuan yang lebih tebal mula digunakan apabila batuan yang nipis

telah habis dibawa dan digunakan. Ini merupakan asas kepada andaian bahawa kubur yang lewat menggunakan batuan bersaiz tebal berbanding batuan yang nipis bagi kubur yang lebih awal (Zuliskandar & Yunus 2018).

Tambahan lagi, perbezaan pada saiz dan juga pentarikan yang berbeza ini memberi andaian kepada kita tentang kemungkinan berlakunya perpindahan masyarakat atau penyebaran kebudayaan kepada sesebuah masyarakat lain. Perpindahan atau penghijrahan yang berlaku bukanlah berlaku secara menyeluruh dan dalam masa yang singkat, tetapi mungkin berlaku kepada beberapa anggota masyarakat yang ingin mencari kawasan bermasyarakat yang baharu dan membawa bersama kebudayaan kubur kepingan batu itu.

Menjadi persoalan sehingga kini adalah, kemanakah perginya masyarakat yang mengamalkan kebudayaan ini selepas abad ke-8 Masihi kerana tiada bukti yang jelas tentang pengamalan kebudayaan ini selepas abad ke-8 Masihi. Adakah kesemua ahli masyarakatnya mati atau adakah berhijrah ke tempat lain atau telah berubah menjadi kebudayaan lain?

Roland Bradell (1939) pernah mengemukakan cadangan bahawa tradisi kubur ini merupakan tinggalan masyarakat India di Tanah Melayu kerana beliau sangat terpengaruh dengan Teori Indianisasi yang muncul lebih awal. Selain Braddel, terdapat beberapa sarjana yang selari dengan pendapatnya seperti Douglas (1938) dan Noone (1939). Namun hasil gali cari telah menyangkal pandangan ini kerana tiada jumpaan yang boleh disandarkan kepada pengaruh India ditemui di tapak penggalian walaupun pada waktu itu telah wujud pengaruh Buddha-Hindu di Kedah.

Selain pendapat berkenaan Indianisasi, Wilkinson (1939) pula berpendapat bahawa masyarakat yang berkebudayaan kubur kepingan batu ini datangnya dari Indochina. Selain itu, terdapat beberapa pendapat lain bahawa masyarakat pengamal kebudayaan kubur kepingan batu ini mempunyai persamaan dengan masyarakat dari Indonesia (Quaritch-Wales 1940) dan memang berasal daripada kebudayaan masyarakat tempatan (Douglas 1949, Leong 1993).

Namun, menurut R.O Winstedt (1941), kebanyakan persoalan ini sukar untuk dijawab dengan jawapan yang tepat kerana kurang bukti yang jelas untuk menyokong dan memperkuat lagi pendapat-pendapat yang dinyatakan di atas oleh sarjana dan penyelidik lampau. Apa yang dijumpai dalam kubur kepingan batu itu hanyalah sedikit kebudayaan kebendaan masyarakat prasejarah yang dapat dilihat seperti serpihan tembikar tanah, peralatan alat besi bersoket dan juga manik karnelian. Selain itu terdapat juga jumpaan serpihan mangkuk gangsa dan juga sebuah penumbuk batu untuk membuat kain daripada kulit pokok. Sisa rangka manusia tidak ditemui dan dikesan dalam semua kubur kepingan batu ini.

Berkenaan dengan penempatan awal masyarakat yang mengamalkan kebudayaan kubur kepingan batu ini, terdapat beberapa sarjana yang berpendapat dan mengaitkan penempatan ini dengan urusan perdagangan masyarakat sewaktu itu (Douglas 1937; Wilkinson 1939; Noone 1939) dan juga eksploitasi galian logam di Semenanjung Tanah Melayu amnya (Evans 1928; Noone 1939; Braddell 1947). Ini dapat diperhatikan kepada fungsi sungai Bernam pada masa lalu merupakan sebuah jalan perdagangan yang sangat penting untuk membawa bijih timah dan juga emas dari kawasan pedalaman di Perak dan Pahang (Leong 1991).

Leong (1991) pula berpendapat bahawa tentang tradisi kubur kepingan batu ini merupakan tradisi yang sememangnya berasal daripada tradisi tempatan yang khususnya untuk golongan bangsawan dan berpangkat. Beliau bersandarkan kepada alasan jumpaan peralatan logam di tapak gali cari yang merupakan peralatan yang mahal dan sukar didapatkan melainkan golongan yang mampu sahaja. Tapak pengebumiannya pula berada di atas bukit dan jauh daripada sumber mendapatkan bahan binaan kubur iaitu kepingan batu. Leong menambah lagi bahawa penempatan kubur itu juga menunjukkan hanya orang yang mempunyai pengaruh dan mempunyai kuasa dari segi material sahaja yang mampu untuk mengamalkannya dan semestinya golongan bangsawan.

Tidak ditemui sebarang tinggalan tulang manusia dan tidak ditemui juga sebarang kesan pereputan mayat seperti pertukaran warna tanah. Keseluruhan tanah dalam susunan batu bersifat tanah liat dan bewarna kuning. Terdapat juga beberapa lubang kubur yang mempunyai kesan pereputan organik apabila kita dapat melihat tanah yang lebih gelap apabila dibandingkan dengan tanah yang berada di luar kubur kepingan. Namun tiada jumpaan tulang atau sisa tulang manusia. Ini mungkin disebabkan keadaan tanah yang bersifat asidik iaitu bacaan nilai pH nya antara 5 hingga 3.5 (Yunus et al. 2011; Leong 1993).

Tiada tanda penggalian lubang di kesemua tapak dan tanah yang berada di dalam kubur dan di luar kubur berada pada satu aras yang sama. Ini memungkinkan kubur tidak digali dengan dalam sewaktu proses pengebumian dilaksanakan. Kubur yang berada di bawah permukaan tanah sehingga 3 – 4 kaki adalah disebabkan tanah tertimbus secara semula jadi (Yunus et al. 2011; Leong 1993).

Yunus Sauman et al. (2011) juga telah menimbulkan sebuah persoalan berkenaan dengan kemungkinan wujudnya sebuah politi awal yang mendasari kebudayaan ini berdasarkan kepada kepelbagaian jumpaan dalam setiap kubur kepingan batu. Ada kuburan yang mempunyai jumpaan peralatan yang mewah untuk digunakan oleh orang yang mempunyai status yang tinggi dalam masyarakat dan ada juga jumpaan peralatan yang biasa digunakan oleh orang yang tidak berpangkat. Beliau berpandangan sebegitu juga kerana penamaan Bernam itu sendiri yang boleh dikaitkan dengan perkataan kurung-bnam yang muncul dalam tradisi kerajaan Funan seawal kurun ke-2 Masihi yang bermaksud “Raja-raja Gunung” dan merujuk kepada keturunan pemerintah kerajaan Funan. Jika andaian beliau ini benar, makanya sudah pastilah terdapat sebuah politi awal di Lembah Bernam ini tetapi sehingga kini masih tiada jumpaan lokasi pusat pemerintahannya. Isu ini sangat memberi signifikan yang penting kepada tradisi pengebumian kubur kepingan batu di Lembah Bernam kerana kebanyakan lokasi kubur kepingan batu ini berada di atas bukit atau sekurang-kurangnya di lereng-lereng bukit. Ini berkemungkinan mempunyai kaitan dengan konsep kurung-bnam dan ia mungkin lebih awal kewujudannya berbanding Funan.

Namun begitu, walaupun tidak wujud sebuah politi awal yang mendukung tradisi penguburan batu kepingan ini, telah wujud sebuah masyarakat yang sudah menjalankan perdagangan terhadap hasil galian terutamanya bijih timah di Lembah Bernam. Masyarakat ini menjalankan kegiatan perdagangan mereka dengan menggunakan laluan daratan dari Ulu Slim ke Ulu Sungai Raub dan kemudiannya menyusur Sungai Pahang sehingga Laut China Selatan. Mungkin kerana ini juga munculnya nama Gunung Benom di Pahang. Berkemungkinan nama “Benom” pernah disebut “Benam” atau “Bernam” pada suatu ketika dahulu. Gunung ini merupakan gunung yang tertinggi dalam lembangan Sungai Pahang dan amat sesuai sebagai simbol kepada kosmologi Hindu yang mempercayai bahawa dewa-dewa mereka bersemayam di Gunung Mahameru.

## ARTIFAK

Antara artifak yang boleh ditemui sewaktu kerja-kerja gali cari dilakukan adalah seperti;

1. Kepingan batuan granit yang dijadikan seperti keranda.
2. Serpihan tembikar tanah.
3. Manik karnelian berbentuk *spherical*.
4. Batu pemukul kulit kayu
5. Serpihan gangsa yang mempunyai pola hias
6. Alat batu
7. Bilah mata pisau
8. Mata lembing
9. Kapak bersoket
10. Mata tombak bersoket
11. Damar terbakar (kemenyan)
12. Seramik Tang (abad ke-9 M)

Antara jumpaan yang menarik dapat kita lihat adalah manik. Berdasarkan Zuliskandar & Nik Hassan Shuhaimi (2009), manik yang ditemui di kubur kepingan batu di Lembah Bernam merupakan manik tertua yang ditemui di Semenanjung Malaysia iaitu pentarikhannya sehingga 2,500 tahun lampau. Antara manik yang ditemui di kubur kepingan batu Lembah Bernam adalah seperti banyak karnelian, manik batuan kristal dan manik kaca monokrom bewarna merah, biru dan ungu yang dijumpai sebanyak 2,700 biji bilangannya dan mempunyai saiz dan bentuk yang pelbagai (Collings 1937; Leong 1993).

Manik batu dan manik kaca monokrom yang dijumpai di kubur kepingan batu Lembah Bernam ini dipercayai datang dari India melalui urusan perdagangan antara masyarakat di pesisir pantai. Pedagang tempatan mungkin telah melakukan pertukaran antara manik India dengan bijih timah dan hasil hutan yang diperlukan bagi urusan eksport (Zuliskandar & Nik Hassan Shuhaimi 2009).

Manik merupakan salah satu artifak yang sangat berharga terutamanya kepada masyarakat prasejarah. Manik menjadi barangan perhiasan kepada masyarakat prasejarah semasa mereka hidup sehinggalah mereka mati dibawa bersama sewaktu dikebumikan. Fungsi manik meliputi keseluruhan aspek kehidupan masyarakat prasejarah seperti kelahiran, perkahwinan, adat budaya, keagamaan dan juga ekonomi. Jika diperhatikan dalam konteks arkeologi, manik menjadi bukti bahawa masyarakat awal telah mempunyai sistem sosial, kebudayaan, ekonomi dan sistem perdagangan yang canggih setara dengan kehidupan mereka. Penggunaan manik sebagai matawang oleh masyarakat awal di Semenanjung Malaysia menunjukkan masyarakat ini telah terlibat dalam sistem ekonomi yang berstruktur. Di samping itu, pemakaian manik pada seseorang individu seperti manik yang langka dan mempunyai nilai yang tinggi menunjukkan masyarakat awal ini telah mempunyai kedudukan dan struktur sosial yang telah tersusun (Zuliskandar & Nik Hassan Shuhaimi 2009).

Selain jumpaan manik, jumpaan seramik Cina zaman Tang iaitu anggaran pada abad ke-9 merupakan antara jumpaan yang menarik. Seperti yang diketahui kubur kepingan batu merupakan kebudayaan yang diamalkan pada Zaman Logam. Namun jumpaan seramik Tang ini menunjukkan kebudayaan pengebumian kubur kepingan batu terus digunakan sehingga abad ke-9 Masihi (Leong 1993). Jumpaan ini sama seperti jumpaan di Jawa Timur iaitu di Pakauaman iaitu terdapat beberapa jumpaan seramik Cina abad ke-9 (Bellwood 1985) sama seperti jumpaan di Lembah Bernam (Lowenstein 1956).

## KESIMPULAN

Kubur kepingan batu merupakan antara tinggalan masyarakat prasejarah Zaman Logam yang agak unik di Malaysia kerana taburan penemuannya hanya boleh dilihat di utara Selangor dan selatan Perak sahaja. Antara pengkaji yang meneliti kebudayaan ini adalah seperti I.H.N Evans, H.D. Collings, P.V.S. Callenfels, Leong Sau Heng dan Yunus Sauman. Berdasarkan pentarikan mutlak yang telah dilakukan terhadap tapak kubur kepingan batu ini mendapati bahawa tapak-tapak ini telah dihuni sejak seawal 300 SM sehinggalah 700 M.

Antara artifak yang ditemui sewaktu kajian arkeologi dilakukan adalah seperti kepingan batuan granit yang dijadikan seperti keranda, serpihan tembikar tanah, manik karnelian berbentuk *spherical*, batu pemukul kulit kayu, serpihan gangsa yang mempunyai pola hias, alat batu, bilah mata pisau, mata lembing, kapak bersoket, mata tombak bersoket, damar terbakar yang menjadi kemenyan dan juga seramik zaman Tang.

Andaian terhadap tradisi kubur kepingan batu di Lembah Bernam masih memerlukan kajian yang lebih komprehensif dari segi pencarian rekod-rekod lama seperti catatan-catatan China ataupun India apatah lagi kajian berbentuk gali cari arkeologi yang dibantu oleh pakar-pakar daripada pelbagai disiplin ilmu lain. Ini kerana keunikan yang ada pada kubur kepingan batu menunjukkan kebudayaan ini hanya diamalkan pada masyarakat yang menetap di kawasan hulu sungai Bernam sahaja.

## RUJUKAN

- Bellwood, P. 1985. *Prehistory of the Indo-Malaysian Archipelago*. Sydney: ANU Publication.
- Braddell, Roland. 1939. Notes on ancient times in Malaya. *JMBRAS* 20(1): 161-186.
- Braddell, Roland. 1947. An introduction of the study of ancient times in the Malay Peninsula and the Straits of Malacca. *JMBRAS* 17(1): 147-148.
- Collings, H.D. 1937. Recent finds of Iron Age sites in southern Perak and Selangor, Federated Malay States. *Bulletin of the Raffles Museum* B1(2): 75-93.
- Douglas, F.W. 1937. Further notes upon a study of ancient times in the Malay peninsula. *JMBRAS* 15(1): 25-26.
- Douglas, F.W. 1938. Malay place names of Hindu origin. *JMBRAS* 16(1): 150-152.
- Douglas, F.W. 1949. Notes on the historical geography of Malaya and sidelights on the Malay Annals.
- Evans, I.H.N. 1928. On slab built graves in Perak. *JFMSM* 12(5): 111-119.
- Leong Sau Heng. 1991. Kubur kepingan dan alat batu bersoket: satu perbincangan kronologi. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 4: 103-115.
- Leong Sau Heng. 1993. Recent finds of more slab graves in Bernam Valley Peninsular Malaysia. Kertas kerja dalam SEAMEO-SPAFA Workshop on Current Developments in Southeast Asia Archaeology. Bangkok, Thailand. 8-14 Mac.
- Leong Sau Heng. 2000. The chronology of the Bernam cist graves in Peninsula Malaysia. *BIPPA* 19: 65-72
- Linehan, W. 1930. Notes on some further discoveries in Pahang. *JMBRAS* 8(2).
- Loewenstein, J. 1956. The origin of the Malayan Metal Age. *JMBRAS* 29(2):7-78.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 1999. *Arkeologi Pra-Islam Pesisir Selat Melaka: Evolusi atau Migrasi?* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noone, H.D. 1928. On slab built graves in Perak. *Journal of the Federation Malay States Museum* 12.
- Noone, H.D. 1939. The Penarikan and Bernam landroutes. *JMBRAS* 17(1): 144-145.
- Peacock, B.A.V. 1964. Recent archaeological discoveries in Malaysia 1962-1963. *JMBRAS* 37(2): 258-260.
- Quaritch-Wales, H.G. 1940. Archaeological research on ancient Indian colonization in Malaya. *JMBRAS* 18(1): 56-57.
- Sieveking, G. de G. 1956. The Iron Age collection of Malaya. *JMBRAS* 29(2).
- Wilkinson, R.J. 1939. The Bernam slab-graves. *JMBRAS* 17(1): 97-98.
- Winstedt, R.O. 1941. Slab-graves and iron implements. *JMBRAS* 19(1): 97-98.
- Yunus Sauman Sabin, Wan Noorlizawati Wan Mat Ali, Adnan Jusoh & Zuliskandar Ramli. 2011. Tradisi pengebumian kubur kepingan batu di Lembah Bernam. Dlm. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.). *Perak Warisan Arkeologi*, hlm. 109-129. Kuala Lumpur: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia.
- Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi nik Abdul Rahman. 2009. Beads trade in Peninsula Malaysia: based on archaeological evidences. *European Journal of Social Sciences* 10(4): 585-593.
- Zuliskandar Ramli & Yunus Sauman. 2018. Cara pengebumian pada zaman prasejarah. Dlm. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman & Zuliskandar Ramli (ed.). *Prasejarah dan Protosejarah Tanah Melayu*, hlm. 174-213. Kuala Lumpur: D

Muhamad Shafiq Mohd Ali  
 Pegawai Sains  
 Fakulti Pendidikan  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 Email: muhdshafiq@ukm.edu.my

Yunus Sauman, (Ph.D)  
 Pensyarah Kanan  
 Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan  
 Universiti Pendidikan Sultan Idris  
 Email: yunus.sauman@fsk.upsi.edu.my



Received: 7<sup>th</sup> August 2024

Accepted: 15<sup>th</sup> September 2024

Published: 30<sup>th</sup> September 2024